

Perlaksanaan PdPC Balaghah di Institusi Pengajian Tinggi dari Perspektif Pensyarah

Yuslina Binti Mohamed^{1,(a)}, Mohamed Bin Haji Ibrahim², Nurhasma Muhammad Saad³,
Sulaiman Bin Ismail⁴ & Ab Adly Rabbanie Bin Ab Rahim⁵

^{1, 2, 3, 4, 5} Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri
Sembilan. Malaysia

^{a)} Pengarang koresponden: yuslina@usim.edu.my

Abstrak: Ilmu Balaghah adalah salah satu disiplin wajib dipelajari oleh pelajar-pelajar yang mengikuti program pengajian Bahasa Arab. Walaupun disiplin ini telah diperkenalkan sekian lama di institusi pengajian tinggi, tetapi aplikasi dan penghayatan terhadap ilmu ini masih rendah dalam kalangan pelajar yang mempelajari dan dalam kalangan pensyarah yang berperanan menyampaikan ilmu balaghah ini. Kajian bertujuan mengenal pasti strategi pembelajaran retorik bahasa Arab yang sedia ada di IPTA dan IPTS untuk mengetahui perspektif-perspektif pensyarah IPTA dan IPTS terhadap pelaksanaan dan strategi yang digunakan semasa pengajaran dan pembelajaran retorik bahasa Arab. Responden kajian terdiri daripada 10 pensyarah yang mewakili lima buah IPTA/ IPTS yang dipilih. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui item temu bual yang terdiri daripada 8 soalan terbuka sebagai instrumen kajian dan menganalisisnya dengan membina tema, kategori dan sub kategori. Hasil dapatan kajian mendapati pendekatan pengajaran dan pembelajaran Balaghah masih dalam keadaan membimbangkan dan masih tiada modul khas sebagai ABM (Alat bantu mengajar) para pensyarah dan pelajar di IPTA/ IPTS untuk dijadikan panduan yang standard dalam pengajaran dan pembelajaran Balaghah.

Kata Kunci: PnP Balaghah, Pendekatan pengajaran, Modul, Strategi

Abstract: Ilmu Balaghah is one of the main disciplines to be studied by students who study the Arabic language program at tertiary level. Although this discipline has been introduced for a long time in higher learning institutions, but the application and understanding of this discipline is still low among students who study this subject, and among lecturers whose convey the content of balaghah with traditional method and approach. This study aims to identify the existing learning strategies of Arabic rhetoric in

IPTA and IPTS which has been implemented by lecturers during the teaching and learning of Arabic rhetoric. 10 lecturers representing five IPTA/IPTS being selected as respondents of the study. To identify the learning strategies and practices implemented by lecturers, a qualitative study will be used by interviewing the lecturers using interview instrument consisting of 8 open -ended questions and analyzing data by constructing themes, categories, and subcategories. The results of the study found that the teaching and learning approach of Balaghah is still has a problem as well as there is no practical module as ABM (Teaching Aids) for lecturers and students in IPTA/IPTS to be used as a standard guide in teaching and learning Balaghah.

Keywords: Teaching and learning Balaghah, Teaching approach, Modul, strategy

Pendahuluan

Balaghah merupakan salah satu komponen penting dalam ilmu bahasa. Balaghah merupakan satu subjek bahasa yang amat penting bagi pelajar jurusan bahasa Arab untuk membantu mereka dalam menghayati makna di sebalik ungkapan dan penggunaan bahasa Arab. Sehubungan dengan itu, Subjek ini di peringkat Institusi Pengajian Tinggi merupakan subjek teras yang wajib untuk diambil setiap pelajar jurusan bahasa Arab kerana subjek ini bukan sahaja untuk mempelajarinya bahkan ia sangat penting dari aspek penggunaannya. Melalui ilmu ini pelajar mampu untuk memahami dan memupuk cita rasa sastera Arab serta menyingkap makna dan rahsia keindahan dalam ayat-ayat al-Quran. Oleh itu, peranan ilmu Balaghah merupakan satu elemen yang kritikal juga dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Subjek Balaghah ini mula berkembang di negara ini sejajar dengan perkembangan bahasa Arab di Malaysia. Hal ini kerana kedudukannya ini sebagai komponen bahasa Arab semakin kukuh dalam mata pelajaran bahasa Arab teras dan diterima dalam kurikulum kebangsaan oleh pelajar aliran agama sekolah sehingga ke peringkat universiti. (Azhar bin Muhammad, 2006) Antaranya, ialah seperti di Universiti Malaya (UM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan beberapa institusi pengajian tinggi swasta yang lain seperti di Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) dan Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS). (Mohd Zulkhairi Abd Hamid, 2012) Balaghah ini amat penting kepada pelajar yang mana mereka dapat membezakan antara kalam yang baik dan sebaliknya

hanya dengan mendalami ilmu Balaghah. Secara asasnya, pelajar-pelajar pun telah didedahkan dengan ilmu Balaghah ini semasa di sekolah menengah, sehinggalah ke peringkat universiti, jadi sewajarnya mereka tidak ada alasan untuk mereka tidak menguasai ilmu Balaghah. (Raja Hazirah Raja Sulaiman, 2012)

Oleh itu, kebanyakan kajian mendapati bahawa pelajar masih lagi lemah dalam menguasai ilmu Balaghah walaupun ia telah dipelajarinya sejak sekolah menengah, terutamanya kepada mereka yang mengikuti kursus ini di peringkat Universiti. (Raja Hazirah Raja Sulaiman, 2012) ia disebabkan oleh kandungan atau sukatan yang kurang bersesuaian dan ditambah pula proses pengajaran dan pembelajaran yang kurang berkesan sehinggalah hilangnya minat pelajar terhadap subjek ini. (Rosni Samah & Marwan Ismail, 2009)

Latar Belakang Kajian

Balaghah merupakan salah satu bidang ilmu yang memainkan peranan amat penting kepada para pelajar bahasa Arab dalam menentukan mutu pertuturan mereka, dan juga bagaimana mereka mampu mengenal pasti elemen keindahan di setiap kalimah penuturnya. Disini boleh dijelaskan bahawa dengan pengetahuan ilmu Balaghah ini pelajar mampu untuk menjiwainya dan menghayatinya untuk merungkai rahsia makna-makna terutama sekali yang terdapat dalam al-Quran. Terdapat dua aspek yang penting dalam pembelajaran ilmu Balaghah ini iaitu dari segi bahasa dan juga agama. Dari segi aspek bahasa ia tertumpu kepada usaha untuk memahami, menjiwa dan menyingkap keindahan bahasa dan sesebuah prosa atau puisi yang diungkapkan. Sehubungan dengan itu, dari segi agama pula ia mampu untuk memahami dan meneroka tersurat-tersirat makna dan ilmu yang terdapat dalam al-Quran atau hadis, prosa, syair dan teks-teks sastera yang lain.

Terdapat banyak kajian telah membincangkan tentang isu-isu pengajaran dan pembelajaran Balaghah di Malaysia sama ada di sekolah menengah mahupun di peringkat yang lebih tinggi. (Suhaida Hanim, Muzammir, Raja Hazirah et al, 2014) Ini kerana terdapat pelbagai faktor-faktor menjadi penghalang untuk mencapai matlamat yang utama dalam pembelajaran dan pengajaran Balaghah, antaranya adalah peletakan objektif yang kurang sesuai, kandungan silibus yang tidak mempunyai kesinambungan dari satu tahap ke tahap yang lain, dan kaedah pengajaran dan pembelajaran hanya tertumpu

kepada konsep hafalan definisi dan contoh-contohnya sehingga mengabaikan kaedah dalam konsep penerokaan keindahan bahasa dan metode aplikasi dan analisis makna-makna tersebut. (Suhaida Hanim, Muzammir, Raja Hazirah et al, 2014)

Oleh itu, kajian ini akan mengumpulkan strategik-strategik yang disarankan oleh para sarjana terhadap pengajaran dan pembelajaran Balaghah dan melihat keberkesanannya untuk diaplikasikan kepada para pelajar. Tambahan, kajian ini juga akan meninjau persepsi pensyarah yang mengajar subjek Balaghah di setiap pusat pengajian tinggi yang terlibat supaya dapat penambahbaikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Balaghah pada masa akan datang.

Sorotan Literatur Kajian

Abdullah Tahmim (1999) menyatakan bahawa pengajaran Balaghah kini masih tidak cenderung kepada aplikasi penghayatan keindahan bahasa dan memahami makna-makna yang tersirat di sebaliknya dalam penulisan ataupun pertuturan kerana hanya tertumpu kepada teori-teori dan kaedah semata. Terdapat banyak faktor kelemahan pengajaran Balaghah di Malaysia adalah berpunca daripada kelemahan tenaga pengajar itu sendiri yang kurang jelas dalam memahami konsep dan metode pengajaran Balaghah yang sepatutnya. Sehubungan dengan itu, Pengajaran Balaghah masih dalam keadaan bersifat jumud dan gagal untuk membimbing pelajar menghasilkan kata-kata yang mempunyai nilai Balaghah, sehingga tidak banyak menyumbang ke arah penghayatan cita rasa sastera Arab dan pembentukan keupayaan bahasa di kalangan pelajar. (Fathi Farid, 1983) kebanyakan pelajar mengakui bahawa kemampuan mereka dalam memahami subjek Balaghah semakin lemah semasa mereka di peringkat pengajian tinggi, dek kerana berpunca daripada kurikulum subjek Balaghah itu sendiri, pendekatan, strategik serta metode pengajarannya yang kurang efektif, dan kesannya adalah tidak mampu untuk mencapai matlamat pengajaran Balaghah tersebut (Anuar, 2010)

Terdapat kajian penguasaan Balaghah di kalangan pelajar IPTA berada di tahap rendah dan sederhana, tetapi tahap motivasi mereka dalam pembelajaran Balaghah adalah tinggi. Pelajar masih belum menguasai subjek Balaghah walaupun mereka telah mencapai pencapaian yang baik dan cemerlang dalam peperiksaan. Sehubungan dengan itu, Pelajar IPTA masih tidak mampu untuk menghayati makna yang tersirat dan apatah lagi mempraktikkannya semasa dalam percakapan dan penulisan. Penguasaan pelajar dalam

subjek Balaghah di tahap yang membimbangkan, oleh kerana kelemahan pelajar dalam memahami ilmu tersebut dan kelemahan metode pengajaran Balaghah yang tidak menepati konsep yang sepatutnya seperti yang dinyatakan oleh para sarjana. Perkara ini boleh terjadi apabila kebanyakan tenaga pengajar yang mengajar Balaghah hanya menumpukan kaedah yang mana tertumpu kepada aspek pengetahuan tentang definisi, contoh dan pembahagian tanpa melihat aspek aplikasi dan analisis, seperti membina ayat-ayat yang puitis dan penggunaan ayat-ayat Balaghah dalam pertuturan bahasa Arab. (Raja Hazirah, 2012) Oleh itu, pelajar itu tidak mampu untuk memahami konsep atau kaedah yang diajarkan oleh guru sehingga mereka memikirkan bahawa subjek ini tidak memberi impak dalam penguasaan bahasa Arab walaupun mereka mempunyai kesedaran yang tinggi dalam pembelajaran Balaghah. (Azhar etl.,2006)

Setelah menelusuri isu pengajaran dan pembelajaran, ia perlu menggariskan objektif yang mana mementingkan usaha dalam membentuk keupayaan bahasa dan sastera pelajar, dan kelemahan berlaku dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran ilmu Balaghah agar tidak dipandang remeh dan perlu mengambil inisiatif sewajarnya. (Ab Rahim,1999) Jadi, permasalahan kefahaman guru dan pelajar terhadap konsep sebenar pengajaran dan pembelajaran Balaghah dan prinsip pengajarannya perlu dititikberatkan. Sehubungan dengan itu, masa dan ruang yang sangat terhad di mana sukatan pelajaran Balaghah merangkumi tiga aspek ilmu pengetahuan yang perlu dihabiskan selama 14 kali pertemuan pada setiap semester. Ini boleh menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran amat sulit ditambah dengan kaedah yang diterapkan dalam bentuk penjelasan model ceramah sehingga memerlukan konsentrasi yang tinggi untuk memahaminya daripada pihak pelajar. (Raja Hazirah, Nurazan Rouyan, Shuhaida Hanim, Muzammir Anas, 2014)

Oleh itu, kajian ini akan membincangkan strategik pengajaran Balaghah yang berkesan dan perlu disusun bagi mencapai matlamat pengajaran dan pembelajaran yang diharapkan. Mohd Ridzuan (2002) mengatakan bahawa didapati penyelidikan mengenai strategi pengajaran dan pembelajaran Balaghah di peringkat IPT masih kurang dijalankan di Malaysia. Dalam kajian yang telah dilakukan oleh Raja Hazirah (2012) mendapati bahawa tahap penguasaan pelajar dalam subjek ini agak membimbangkan kerana antara faktornya adalah berpunca daripada kelemahan metode pengajaran Balaghah yang tidak menepati konsep yang sepatutnya. Strategi pengajaran dan pembelajaran ini merupakan

satu tunjang utama dalam menentukan keberkesanan proses tersebut. Namun, kajian ini akan menumpukan beberapa aspek penting dalam pelaksanaan strategik pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, iaitu bahan mengajar yang digunakan, kaedah yang digunakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran dan persepsi pensyarah yang mengajar subjek Balaghah di IPT.

Strategik Pengajaran dan Pembelajaran Balaghah (Retorik Arab)

Terdapat pelbagai kaedah-kaedah yang digunakan untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan untuk mencapai objektif ilmu Balaghah ini. Persoalannya adakah kaedah-kaedah yang digunakan oleh tenaga pengajar di IPT bersesuaian dan berkesan kepada pelajar? Sehubungan dengan itu, kebanyakan kaedah yang digunakan pada masa kini masih tiada perubahan iaitu, kaedah hafalan definisi dan contoh tanpa menghayati mahupun aplikasi teks-teks sastera tersebut. Metode ini merupakan satu bentuk hanya memberi pengetahuan tanpa memfokuskan terhadap kaedah atau cara untuk membina ayat-ayat puitis, dan mengabaikan aspek aplikasi serta tiada kecenderungan untuk menjiwai keindahan dan kepuitisan sesebuah ungkapan atau Bahasa yang mengandungi nilai sastera dan estetika yang tinggi. (Shuhaida Hanim, Muzammir Anas, Raja Hazirah, Nurazan Mohd Rouyan, Kamariah, 2014) Pada abad ke-21 ini kita perlukan satu strategik dan kaedah baharu dan berkesan untuk menarik perhatian pelajar dalam mengetahui cara untuk menghayati ayat-ayat puitis ini dengan mudah dan menarik. Untuk mengajar subjek pelajaran Balaghah atau retorik Arab, tenaga pengajar memerlukan satu usaha yang gigih untuk menjamin kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan untuk pelajar. Oleh kerana itu, terdapat pelbagai tajuk yang diajar ia memerlukan dengan tahap kefahaman yang sangat tinggi untuk menghayati isi kandungan teks dan semua jenis kemahiran seni yang terdapat didalamnya.

Berdasarkan saranan yang diutarakan oleh Abdul hakim (2003) adalah metode yang pengajaran dan pembelajaran mengutamakan aplikasi kaedah dan menyediakan pelbagai aktiviti yang menarik untuk meningkatkan keupayaan bahasa dikalangan pelajar IPT dan mampu untuk memupuk minat terhadap sastera Arab. Di samping itu, terdapat kajian yang dilakukan oleh Mohd Ridzuan (2002) di mana kaedah yang perlu digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Balaghah adalah penyediaan guru bahasa yang berwibawa, pengurusan kelas yang cemerlang dan pembentukan iklim berbahasa yang kondusif.

Kaedah yang disarankan ini adalah agak umum untuk di aplikasi pada abad ke-21, kerana pada pendapat penulis bahawasanya kefahaman isi kandungan dalam subjek ini perlu diutamakan dahulu. Oleh itu, menurut saranan daripada Azhar (2008) dalam kajiannya bahawa tenaga pengajar perlu menumpukan kefahaman asas pengajaran Balaghah iaitu asas *fitriyyat fil kalam*, *asas al-fann al-adabi*, *asas al-fann al wujdaniy*. Asas- asas ini amat penting dalam konsep pengajaran dan pembelajaran Balaghah demi mencapai matlamat yang asal iaitu untuk membolehkan pelajar mampu membaca, memahami, menjiwai ayat-ayat puitis (*balaghah*) di dalam al-Quran dengan baik, selain memahami keindahan ungkapan-ungkapan yang terdapat di dalam teks-teks sastera Arab yang lain.

Bertitik tolak daripada itu, kita lihat bahawa kefahaman dan penghayatan terhadap subjek Balaghah ini amat penting agar pelajar mampu untuk menyingkap rahsia dan keindahan makna yang tersirat di dalam al-Quran kerana perkaitannya sudah semestinya tidak boleh dipisahkan. Selain itu, guru yang mengajar Balaghah perlu membuat perbandingan dalam pengajaran dan latihan bagi memperlihatkan unsur-unsur seni dalam sesuatu karya di mana guru perlu membentangkan teks asal yang dipelajari dengan teks yang lain supaya pelajar dapat memahami perbandingannya. Tambahan, elemen retorika Melayu, seperti simpulan bahasa, peribahasa, simile dan elemen-elemen lain di mana terdapat hubungan kait antara retorika Melayu dan Arab. (Abd. Alim Ibrahim, 2002) kaedah perbandingan antara Retorik Melayu dan Retorik Arab ini adalah satu kaedah yang berkesan kepada pelajar di mana ia dapat membantu pelajar memahami dan mengetahui rahsia-rahsia Balaghah yang dipelajari dengan lebih jelas. Sehubungan dengan itu, dengan kaedah ini pelajar dapat menarik minat mereka dalam mempelajarinya dan dapat menyedari bahawa mereka telah mengaplikasikan ilmu Balaghah ini dalam kehidupan seharian mereka. (Raja Hazirah et. Al, 2014)

Sehubungan dengan itu, proses pembelajaran dan pengajaran balaghah perlu dilakukan dengan suasana pembelajaran ilmu bahasa dan kesusasteraan Arab yang mana menumpukan kepada analisis teks yang dipelajari untuk menjelaskan kepada pelajar tentang keunikan sastera Arab dan mengaplikasikannya dalam penulisan dan pertuturan seharian. (Nor Syazwani, 2014) Oleh itu, terdapat pelbagai kaedah-kaedah yang digunakan oleh pensyarah IPTA/IPTS dan setiap kaedah mempunyai kekuatan dan kelemahan jadi, para sarjana perlulah mencari kaedah pembelajaran yang terkini yang bersesuaian mengikut abad ke-21 agar ia lebih menyeronokkan dan menarik untuk

dijalankan semasa proses pengajaran dan pembelajaran balaghah di dalam kelas. (Azhar Muhammad, 2008)

Objektif Kajian

1. Untuk mengkaji strategik-strategik pembelajaran retorik bahasa Arab yang sedia ada di IPTA dan IPTS.
2. Untuk mengetahui perspektif-perspektif pensyarah IPTA dan IPTS terhadap Penambahbaikan strategik yang digunakan semasa pengajaran dan pembelajaran retorik bahasa Arab

Batasan Dan Skop Kajian

Penyelidikan ini hanya mengkaji perkara yang berkaitan dengan penguasaan ilmu retorik Arab yang terbatas kepada sampel yang dijalankan di IPTA dan IPTS ia merangkumi 7 buah universiti antaranya Universiti Sultan Azlan Shah, Universiti Putra Malaysia, Kolej Universiti Islam Melaka, Kolej Universiti Islam Selangor, Universiti Malaya, Universiti Sultan Zainal Abidin dan Universiti Sains Islam Malaysia. Penyelidik menggunakan metode kajian soal selidik melalui platform Google Form untuk mengumpul semua data primer yang dikehendaki. Manakala untuk data sekunder, penyelidik menggunakan metode kajian perpustakaan untuk mendapatkan segala maklumat. Seramai 10 orang pensyarah dipilih sebagai responden kajian yang mengajar subjek Balaghah di Institusi Pengajian Tinggi. Sampel kajian yang dipilih adalah berdasarkan secara bertujuan iaitu hanya melibatkan pensyarah yang mengajar subjek Balaghah bagi mengetahui pendapat tenaga pengajar yang mengajar Balaghah untuk mendapat pandangan mereka tentang kandungan buku yang diguna pakai. Oleh itu, mengetahui pandangan pelajar di peringkat pengajian tinggi sekali gus dengan pandangan dan peranan guru adalah amat penting supaya kita dapat melihat tahap penguasaan dan pemahaman serta minat para pelajar dalam ilmu Balaghah. Maklumat mengenai kajian yang diperolehi daripada responden adalah berdasarkan maklum balas daripada soal selidik terhadap pensyarah (sampel) dari Institusi-Institusi tersebut. Kajian ini akan dibincangkan dengan menggunakan pendekatan kualitatif iaitu analisis kandungan melalui soal selidik sebagai metode kajian kes. Analisis kandungan ini digunakan untuk mengenal pasti tema, konsep dan makna. Oleh itu, pendekatan ini memerlukan sistem pengekodan yang berkaitan dengan matlamat sesuatu penyelidikan. Menurut Burn (1995)

kategori pengkodan memudahkan seseorang penyelidik memahami maklumat yang diperolehi dan menjadi panduan kepadanya untuk menentukan tujuan yang ingin difokuskan kepada maklumat seterusnya.

Dari segi pensampelan, kajian ini menggunakan *non probability sampling* untuk meninjau persepsi pensyarah-pensyarah yang mengajar subjek retorik bahasa Arab di setiap IPTA dan IPTS. Dengan kaedah ini mampu memberi kepercayaan dengan mewakili objektif sesuatu penyelidikan berkaitan kepada fenomena yang ingin dikaji. (Burn, 1995) penyelidik percaya bahawa dengan pendekatan kajian kes ini sesuai untuk dijalankan dikalangan 10 pensyarah yang berpengalaman dari setiap institusi pengajian tinggi seperti graf di bawah:-

Jadual 1: Pengalaman mengajar subjek Balaghah di IPTA/IPTS

Kategori	Sub kategori	Kod	Kekerapan
Pengalaman mengajar subjek Balaghah (PM)	1-5 tahun	PM1	4
	6-10 tahun	PM2	2
	11-15 tahun	PM3	2
	20 tahun ke atas	PM4	2

Berdasarkan jadual 1 di atas, menunjukkan bahawa seramai 4 orang pensyarah yang mempunyai pengalaman selama 1-5 tahun dan 2 orang pengalamannya selama 6-10 tahun, 11-15 tahun dan 20 tahun ke atas. Ini menunjukkan bahawa kepakaran tenaga pengajar bagi subjek Balaghah amat membimbangkan kerana pengalaman dan kualiti merupakan faktor yang sangat penting dalam menghasilkan pengajaran dan pembelajaran retorik bahasa Arab yang berkesan. Sehubungan dengan itu, ia mampu untuk memupuk minat pelajar terhadap pembelajaran retorik bahasa Arab. Menurut Shuhaida Hanim (2014) mendapati bahawa banyak kajian yang menunjukkan antara kelemahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran balaghah ini berpunca dari kelemahan tenaga pengajar yang kurang jelas dalam memahami konsep dan metode pengajaran balaghah yang sepatutnya. Oleh kerana itu, pembinaan modul yang berkesan mampu untuk memandu tenaga

pengajar ke arah yang lebih strategik agar menjadikan pengajaran dan pembelajaran ini lebih berfokus dan cepat difahami.

Jadual 2: Bahan Pengajaran yang anda gunakan bagi PnP Balaghah?

Kategori	Sub kategori	Kod	Kekerapan
Bahan Pengajaran Balaghah (B)	Buku Teks	B1	7
	Nota	B2	3
	Slide	B3	3
	Modul	B4	4
	Internet	B5	2

Berdasarkan jadual 2 menunjukkan bahawa bahan pengajaran yang digunakan semasa pengajaran dan pembelajaran Balaghah di IPTA & IPTS adalah tidak selaras. Oleh kerana, Kebanyakan Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di IPTA & IPTS kurang memfokuskan kepada buku teks atau bahan bacaan yang digunakan, sebaliknya hanya tertumpu kepada usaha pendidik yang menggerakkan pembelajaran di dalam kelas (Muhammad Haron et al., 2013). Kebanyakan pendidik sering menghadapi masalah dalam pemilihan dan menyediakan bahan bacaan untuk pelajar kerana kurangnya pendedahan yang baik (Rini Dwi Susanti, 2014). Hal ini kerana ia perlu dilihat tahap kebolehan membaca yang sesuai untuk pelajar dan menarik motivasi mereka untuk terus membaca dan meningkatkan kemahiran membaca dalam mempelajari ilmu balaghah ini. (Aisyah, 2014) Kebanyakan pelajar kurang yakin dengan kemahiran mereka untuk membaca buku teks balaghah kerana bahasa yang digunakan adalah sukar untuk memahami sehingga mereka menggunakan kaedah menghafal isi kandungan yang ringkas di mana disediakan oleh guru mereka semasa pengajaran dan pembelajaran dilakukan. (Muhammad Saiful Anuar Yusoff & Wan Nazihah Wan Mohamed, 2020) Justeru itu, ia memerlukan satu inisiatif untuk mewujudkan penyelarasan sukatan pembelajaran Balaghah dengan menggunakan bahasa yang mudah untuk difahami.

Jadual 3: Jam Pengajaran Balaghah dalam Seminggu

Kategori	Sub kategori	Kod	Kekerapan
Jam pengajaran Balaghah (J)	12 jam	J1	1
	4 jam	J2	1
	3 jam	J3	8

Pada jadual 3 menunjukkan bahawa masa yang diperuntukkan dalam pengajaran dan pembelajaran Balaghah bagi kebanyakan institusi pengajian tinggi adalah selama 3 jam. Menurut Raja Hazirah (2014) menyatakan bahawa permasalahan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Balaghah adalah masa dan ruang yang sangat terhad. Sehubungan dengan itu, menurut beliau bahawa rujukan balaghah juga terbatas dan kebanyakan pensyarah cuba untuk menghabiskan silibus tersebut. Tambahan pula, mereka menggunakan kaedah pengajaran Balaghah yang agak sulit di mana dengan penerapan model ceramah dan ia memerlukan konsentrasi yang lebih daripada pihak pelajar dalam memahami subjek Balaghah dengan jelas. Oleh demikian itu, masa dan ruang merupakan salah satu elemen penting dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Balaghah yang berkesan. Jika masa peruntukkan sedikit semasa melakukan pengajaran, subjek tersebut sukar untuk dipelajari dan apabila lebih banyak masa digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran, lebih banyak kesan positif dalam pencapaian pelajar. (Korweit, 1989) Dalam proses pengajaran dan pembelajaran balaghah, pensyarah dinasihatkan untuk mementingkan tahap kefahaman pelajar di dalam kuliah dan tidak terlalu cepat dan tergesa-gesa untuk menghabiskan sukatan pelajaran semata-mata sehingga mengabaikan kefahaman pelajar. (Norsyazwani Armuji & Zamri Arifin, 2014) Oleh itu, Pengurusan masa dan penyediaan panduan dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang terancang dan sistematik akan membantu pensyarah untuk menepati objektif pengajarannya.

Jadual 4: Buku Rujukan yang Digunakan semasa Pengajaran dan Pembelajaran Balaghah di IPTA/ IPTS

Kategori	Sub kategori	Kod	Kekerapan
----------	--------------	-----	-----------

Buku Rujukan Balaghah (R)	Fi al-Balaghah al-‘Arabiyyah, Abdul Aziz ‘Atiq	R1	3
	Jawahir al-Balaghah, Ahmad Hashimi	R2	3
	Al-Idhoh fi ‘Ulum al-Balaghah, Jalal al-Din Muhammad bin Abd al- Rahman al-Khatib al-Qazwini	R3	1
	Mudhakkirah Balaghah	R4	1
	Dalail al- I’jaz, Abd al-Qahir al- Jurjani	R5	1
	al-Balaghah al-Wafiyah	R6	1
	al-Balaghah al-Wadihah, Ali Jarim dan Mustafa Amin	R7	2
	Rujukan pelbagai	R8	1

Berdasarkan jadual 4 di atas menunjukkan bahawa semua pensyarah di IPTA dan IPTS menggunakan rujukan yang berbeza. Buku-buku rujukan yang sering digunakan di IPTA/IPTS adalah *Fi al-Balaghah al-‘Arabiyyah*, Abdul Aziz ‘Atiq dan juga *Jawahir al-Balaghah*, Ahmad Hashimi kerana berkemungkinan ia merupakan buku yang sesuai untuk digunakan kepada pelajar IPT. Ada juga berpendapat bahawa buku *al-Balaghah al-Wadihah* oleh Ali Jarim dan Mustafa Amin tidak sesuai untuk menjadikan rujukan bagi modul balaghah kerana ianya lebih sesuai digunakan di peringkat sekolah menengah. (Muhammad Syukri, et. Al, 2018) Ini jelas bahawa ketidakselarasan dalam penggunaan buku rujukan semasa pengajaran dan pembelajaran Balaghah dilakukan. Kebanyakan pendidik sering menghadapi masalah dalam pemilihan dan menyediakan bahan bacaan untuk pelajar kerana kurangnya pendedahan yang baik (Rini Dwi Susanti, 2014). Justeru itu, ia memerlukan satu inisiatif untuk mewujudkan penyelarasan sukatan pembelajaran Balaghah dengan menggunakan bahasa yang mudah untuk difahami. Hal ini kerana ia perlu dilihat tahap kebolehan membaca yang sesuai untuk pelajar dan menarik motivasi

mereka untuk terus membaca dan meningkatkan kemahiran membaca dalam mempelajari ilmu balaghah ini. (Aisyah, 2014) Kebanyakan pelajar kurang yakin dengan kemahiran mereka untuk membaca buku teks balaghah kerana bahasa yang digunakan adalah sukar untuk memahami sehingga mereka menggunakan kaedah menghafal isi kandungan yang ringkas di mana disediakan oleh guru mereka semasa pengajaran dan pembelajaran dilakukan. (Muhammad Saiful Anuar Yusoff & Wan Nazihah Wan Mohamed, 2020) Oleh itu, pembinaan modul pengajaran balaghah perlu direka bentuk dengan teliti agar memberi satu pendekatan yang berkesan, sekali gus mampu memberi impak positif kepada para pensyarah dan pelajar dalam melakukan proses pengajaran dan pembelajaran balaghah yang lebih efektif.

Jadual 5 Bahasa yang digunakan dalam PnP Balaghah dan peratus penggunaannya.

Kategori	Sub kategori	Kod	Kekerapan
Bahasa yang digunakan dan peratus penggunaannya semasa PnP balaghah (BP)	Bahasa Arab (50%), Bahasa Melayu (50%)	BP1	1
	Bahasa Arab (70%), Bahasa Melayu (30%)	BP2	1
	Bahasa Arab (100%)	BP3	4
	Bahasa Arab (90%), Bahasa Melayu (10%)	BP4	2
	Bahasa Melayu (70%), Bahasa Arab (30%)	BP5	2

Berdasarkan pemerhatian jadual 5 di atas menunjukkan bahawa kebanyakan pensyarah mengajar subjek balaghah dengan menggunakan bahasa Arab. Menurut kajian Muhammad Saiful Anuar, (2014) terdapat hubungan kuat antara penguasaan Bahasa Arab dan pemahaman teks sastra Arab. Jadi, pensyarah digalakkan untuk menerangkan sesuatu pengajaran balaghah dalam Bahasa Arab agar pelajar dapat memahami dan menguasai kosa kata yang terdapat dalam teks-teks sastra. Pelajar yang mengambil pengkhususan bahasa Arab masih tidak mencapai tahap kecekapan berbahasa dengan

baik. (Ab. Halim,2007) & Sueraya et.al (2010) apabila perkara ini berlaku pelajar tidak mampu untuk memahami teks bacaan sastra Arab dan uslub atau gaya bahasa tradisional dengan baik. (Abdullah Tahmin, 1999) Tetapi, terdapat kajian yang mengatakan bahawa pendekatan kaedah perbandingan retorik Melayu dan Arab merupakan suatu kaedah yang berkesan dan mampu untuk minat pelajar terhadap pembelajaran balaghah tersebut. Berdasarkan dapatan kajian yang dilakukan oleh Azhar et. al (2006) pelajar berasa kurang setuju bahawa pensyarah lebih cenderung menggunakan bahasa Arab semasa mengajar al-Balaghah. Abdullah Tahmim (2009) berkata pelajar tidak mampu untuk memahami makna-makna yang terdapat di dalam teks-teks sastra ditambah pula, contoh daripada bait-bait yang sukar untuk difahami. Oleh itu, dengan penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran dengan menterjemah retorik melayu ke dalam retorik Arab dapat menarik minat pelajar untuk mendalami subjek Balaghah. (Raja Hazirah et.al, 2014)

Jadual 6 peratusan pelajar cemerlang dalam 2 semester terakhir

Kategori	Sub kategori	Kod	Kekerapan
Peratusan pelajar cemerlang (PC)	5%	PC1	2
	10%	PC2	1
	20%	PC3	2
	50%	PC4	1
	70%	PC5	2
	85%	PC6	1
	90%	PC7	1

Berdasarkan jadual 6 peratusan yang diberikan oleh pensyarah di setiap IPTA/IPTS hanya 6/10 telah mendapat tahap yang rendah di mana peratusan cemerlang yang direkodkan pada semester kedua terakhir adalah 5%-50% sahaja yang mendapat keputusan cemerlang. Ini bermakna tahap penguasaan pelajar universiti terhadap ilmu ini berada pada tahap yang membimbangkan, disebabkan oleh pelajar amat lemah dalam aspek aplikasi dan tidak cenderung menggunakan ungkapan-ungkapan yang

mengandungi nilai estetika yang tinggi dalam penulisan mahupun pertuturan seharian mereka. (Raja Hazirah,2012) Tambahan pula, pelajar juga masih tidak mampu memahami tujuan yang sebenar dan kepentingan mempelajari ilmu ini. kebanyakan pelajar mengakui bahawa kemampuan mereka dalam memahami subjek Balaghah semakin lemah semasa mereka di peringkat pengajian tinggi, dek kerana berpunca daripada kurikulum subjek Balaghah itu sendiri, pendekatan, strategik serta metode pengajarannya yang kurang efektif, dan kesannya adalah tidak mampu untuk mencapai matlamat pengajaran Balaghah tersebut (Anuar, 2010) Dengan ini, Tindakan yang perlu dilakukan oleh para pensyarah adalah mencari dan meneroka strategik-strategik baharu dan terbaik yang mana mampu untuk menambahbaikkkan mutu kualiti terhadap proses pengajaran dan pembelajaran balaghah.

Jadual 7 Cadangan Penambahbaikan dalam pengajaran dan pembelajaran Balaghah berdasarkan persepsi pensyarah. di peringkat IPTA/IPTS

Kategori	Sub kategori	Kod	Kekerapan
Cadangan Penambahbaikan (CP)	Pendekatan ICT	CP 1	1
	Kaedah perbandingan retorik Melayu dan Arab	CP 2	2
	Bangunkan Modul Khas kepada pelajar bukan penutur asli	CP 3	4
	Memperbanyakkan aplikasi berbanding teori	CP 4	1
	Melaksanakan pelbagai tadribat dan teknik yang baik	CP 5	2

Jadual 7 menunjukkan pelbagai cadangan penambahbaikan yang diberi oleh pihak pensyarah dalam pengajaran dan pembelajaran balaghah di IPTA/IPTS. antara kekerapan cadangan penambahbaikan paling banyak adalah pensyarah bercadang untuk

membangunkan modul khas kepada pelajar bukan penutur asli bahasa Arab. Ini kerana pengajaran modul yang khas membolehkan para pelajar untuk memilih pembelajaran yang paling efektif dan produktif. Tambahan pula, di dalam modul tersebut perlu mengandungi pelbagai latihan, gambar rajah dan sebagainya. (Tengku Mohd Azman, 1991) Oleh itu, Pada abad ke-21 ini kita perlukan satu strategik dan kaedah baharu dan berkesan untuk menarik perhatian pelajar dalam mengetahui cara untuk menghayati ayat-ayat puitis ini dengan mudah dan menarik. Untuk mengajar subjek pelajaran Balaghah atau retorik Arab, tenaga pengajar memerlukan satu usaha yang gigih untuk menjamin kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan untuk pelajar.

Rumusan

Kajian ini merupakan satu penyelidikan ilmiah yang amat penting untuk mengkaji pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran balaghah di IPTA/IPTS bersesuaian dengan aras pelajar IPT. Sehubungan dengan itu, penyelidikan ini juga mengumpulkan cadangan penambahbaikan daripada pensyarah di IPTA/IPTS. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji strategik-strategik pembelajaran retorik bahasa Arab yang sedia ada di IPTA dan IPTS. kemudian, mengetahui perspektif-perspektif pensyarah IPTA dan IPTS terhadap penambahbaikan strategik yang digunakan semasa pengajaran dan pembelajaran retorik bahasa Arab. Dalam konteks kajian ini, pembinaan modul pembelajaran yang khas perlu dilaksanakan kerana ia mampu untuk mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran (P&P) di kalangan pensyarah dan pelajar. Sehubungan dengan itu, bahan rujukan juga memainkan peranan yang penting dalam membantu proses pembelajaran pelajar serta memudahkan mereka dalam memenuhi aktiviti pembelajaran yang telah ditetapkan. Oleh itu, para sarjana atau pakar perlu menyelaraskan silibus Balaghah mengikut aras abad ke-21 agar ia mampu menarik minat pelajar untuk mempelajari ilmu Balaghah lebih mendalam. Antara faktor yang dikaitkan dengan isu kelemahan penguasaan pelajar terhadap subjek Balaghah adalah aras dan laras bahasa di dalam bidang sastera kurang memuaskan. Kesimpulannya, pihak yang berkenaan perlu mengambil perhatian dan ambil berat tentang penyediaan modul yang berkesan kepada semua pelajar Institusi Pengajian Tinggi dan diharapkan mampu untuk menyelaraskan silibus pembelajaran Balaghah di setiap Institusi Pengajian Tinggi agar dapat meningkatkan tahap pencapaian dan penguasaan pelajar dalam subjek Balaghah ke tahap yang lebih baik.

Rujukan

- Ab Halim Mohamad. (2003). Buku Teks Bahasa Arab di Malaysia: Antara Teori Pengajaran dan Realiti, dalam Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri 3. 2003. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.
- Abd Halim Ariffin. (1999). Pengajaran Ilmu Balaghah (Retorika) di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Bawah Kementerian Pendidikan. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Abdullah Tahmin. (1999). Pengajaran Balaghah di Sekolah dan Pusat Pengajian Tinggi. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ab Rahim Hj. Ismail. (1999). Taalim al-Balaghah al-Arabiyyah fi Kuliyyah al-Dirasat al-Islamiyyah. Prosiding Smeinar Balaghah (Retorika) Arab-Melayu, Universiti kebangsaan Malaysia. hlm. 185-194.
- Abd Rahman Abd. Ali al-Hasyimi. (2005). Pengajaran Balaghah. cetakan pertama. Amman: Dar al-Massira.
- Aisyah Sjahrony & Maimun Aqsha Lubis Abdin Lubis. (2017). Kebolehbacaan Buku Teks Maharat Al-Qira'ah Berasaskan Ujian Klox dalam Kalangan Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia. Ulum Islamiyyah. Universiti Sains Islam Malaysia
- Al Rikabi, Jawdat. (1996). Turuq Tadris al-Lughah al- Arabiyyah. DAmSyik: Dar al-Fikr.
- Anuar bin Sopian. (2017). Analisis Isi kandungan Buku Teks Bahasa Arab “al-Munir al-Lughah al-Arabiyyah al-Ittisoliyyah” TAC151 UITM Malaysia, Journal of Humanities, Language, Culture and Business. Vol. 1. No. 1.
- Arif Kharkhy Khudhairy. (1994). Ta'lim al-lughat al-'Arabiyyah li ghair al-'Arab Dirasat fi al Manhaj wa Turuq al-Tadris. Kaherah: Dar Al-Saqafah lil al-Nasyr wa al-Tauzi'.
- Azhar bin Muhammad, Abdul Hafiz Abdullah, Bushrah Basiron, Kamarul Azmi Jasmi. (2006). Pembelajaran Balaghah Arab di Peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia: Satu Kajian Kes. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Universiti Malaya.
- Azhar bin Muhammad, Abdul Hafiz Abdullah Bushrah Binti Basiron Kamarul Azmi Bin Jasmi Sulaiman Shakib Bin Mohd Noor. (2006). Penguasaan Pelajar Sekolah Menengah Aliran Agama Terhadap Pengajian Ilmu Retorik Arab, Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial, Universiti teknologi Malaysia.
- Azhar bin Muhammad. (2007). Menterjemahkan Budaya Retorika Melayu Melalui Pelaksanaan Pengajaran Ilmu Balaghah Arab dalam Kalangan Pelajar Melayu. Kuala Lumpur: Koleksi Persidangan Penterjemahan Antarabangsa (ke-11: 21-23 Nov 2007).
- Husairi Jikan. (2004). Pengurusan Masa Guru dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Teknik dan Vokasional (Elektif – Sains Pertanian) di Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru. Disertasi Akhir, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Kamarulzaman Abdul Ghani. (2010). Kebolehbacaan Buku Teks Bahasa Arab Tinggi Tingkatan Empat Sekolah Menengah Kebangsaan Agama. Tesis Dr. Falsafah Pendidikan, Fakulti Pendidikan University Malaya.

Kamarulzaman Abdul Ghani & Hassan Basri Awang Mat Dahan. (2010). An Assessment of Readability of aBook From Technical Presentation: An Investigation On Form Four Arabic Textbook In Malaysia (Arabic Version). Jurnal Of Reading and Knowledge. Ain Sham University, Egypt.

Marohani Yusoff. (1999). Strategi Pengajaran Bacaan dan Kefahaman. Kuala lumpur: dewan bahasa dan Pustaka.

Mohd Rosdi Ismail & Mat Taib Pa. (2006). Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Di Malaysia. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Mohd Zulkhairi Abd Hamid. (2012). Reka Bentuk Perisian Pembelajaran Balaghah Arab Peringkat Sekolah Menengah. Fakulti Bahasa & Linguistik, Universiti Malaya.

Muhammad Haron, Muhd syukri, Ahmad redzaudin & Norhidayati Abdullah. (2014). Tahap kebolehbacaan buku al-Mursyid Fi al-Lughah al-Arabiah (1). International Journal of Islamic studies and Arabic Language Education. Volume 1(1): 11-16

Muhammad Saiful Anuar Yusoff & Wan Nazihah Wan Mohamed. (2020). Motivation in Reading Arabic Literature Books Among Student of Kelantan Religious Schools. Global Journal Al-Thaqafah, Universiti Sultan Azlan Shah. GJAT. Julai 2020. Vol. 10 Issue 1/15.

Mohamad Syukri Abdul Rahman, Muhammad Daod, Muhammad Redzauddin Ghazali, Mohd Rufian Ismail, Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Nurfida'iy Salahuddin. 2018. Pendekatan Pengajaran Ilmu Balaghah di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. International Journal of Education, Psychology and Counseling, 3(14), 48-58.

Merriem, S. B. (1998). Qualitative Research and Case Study Application in Education. (2nd ed). San Francisco: Jossey-Bass.

Nik Mohd Rahimi, Zahriah Hussin & Wan Normeza. (2014). Penggunaan Strategi Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab Pada Kalangan Pelajar Cemerlang. Jurnal Teknologi (Social Sciences) 67:1 (2014), 33–38.

Noormala Ali, Mohamed Sharif, Roslee Ahmad. (2005). Pendekatan Temubual Sebagai Metod Kajian Kes: Suatu Persepsi di Kalangan Pelajar Perempuan Cemerlang Terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling, Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository.

Nur Syazwani Armuji & Zamri Arifin. (2014). Pembelajaran Balaghah di Peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) di Selangor. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Raja Hazirah Raja Sulaiman, Kamariah Yunus, Muzammir Anas, Nurazan Mohmad Rouyan, Shuhaida Hanim, Mohamad Suhane. (2014). Keberkesanan Metode Perbandingan Retorika Melayu dan Arab Untuk Meningkatkan Minat Pelajar dalam Pembelajaran Balaghah, Prosiding seminar pengajaran & pembelajaran Arab, UKM.

Raja Hazirah Raja Sulaiman, (2012). Penguasaan Balaghah Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT), Jabatan Bahasa Dan Lingusitik, Universiti Malaya.

Rini Dwi Susanti. (2014). Strategi Pengajaran Membaca Pada Mata Pelajaran Bahasa Arab di Madrasah Ibtidaiyah. *Elementary Journal*. Vol. 2. No. 2, Juli-Disember 2014

Rosni Bin Samah, Muhammad Marwan bin Ismail. (2009). Penguasaan Al-Balaghah Dan Permasalahannya Di Kalangan Pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) (kajian di Sekolah-Sekolah Agama Negeri Selangor, Universiti Sains Islam Malaysia.

Shuhaida Hanim Mohamad Suhane, Muzammir Anas, Raja Hazirah Raja sulaiman, Nurazam Mohd Rouyan. (2014). Kepentingan Memperkenalkan Model Strategi Pengajaran Balaghah Peringkat IPT di Malaysia. Prosiding seminar pengajaran & pembelajaran Arab, UKM.

Yuslina Mohamed, Zainal Abidin. H, Kauthar A.K. (2013). Quranic Miracles in the Book of “Syafiah“ written by Abdul Qaher Jurjaani, *GJAT* | DECEMBER 2013 | VOL 3 ISSUE 2 | 125. ISSN : 2232-0474 | E-ISSN : 2232-0482. www.gjat.my

Zulkhairi M. Abd Hamid. (2012). Reka Bentuk Perisian Pembelajaran Balaghah Arab Peringkat Sekolah Menengah. Disertasi Sarjana Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.